

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JMK 221 – Fiksyen Melayu Moden**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab 4 soalan. Pilih mana-mana empat soalan daripada 6 soalan yang disediakan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Jelaskan maksud tema. Dengan mengambil contoh-contoh yang sesuai dalam novel yang digunakan dalam kursus ini, bincangkan bagaimana ciri-ciri tema itu dapat dianalisis dalam novel.

(25 markah)

2. Novel *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin menceritakan beberapa tekanan hidup yang dihadapi oleh watak-watak dalam novel ini. Berikan contoh peristiwa-peristiwa tekanan hidup yang dialami dan bincangkan perkaitannya dengan idea utama dalam novel berkenaan.

(25 markah)

3. Dalam novel *Haruman Kencana*, karya Zaharah Nawawi, watak utama dipegang oleh Kencana. Dengan memberikan contoh-contoh peristiwa yang sesuai, pada pendapat anda, wajarkah pengarang mengaturkan kehidupan Kencana sedemikian rupa dalam novel tersebut?

(25 markah)

4. *Penyeberang Sempadan*, karya Anwar Ridhwan, mementingkan nilai-nilai bahasa dalam penceritaan. Bincangkan aspek-aspek bahasa yang digarap oleh pengarang dalam menghidupkan karyanya.

(25 markah)

5. Novel *D.U.B.L.I.N*, karya Wan Nur Azriq dianggap novel yang ditulis tanpa aturan biasa. Bincangkan ciri-ciri novel tanpa plot serta beberapa contoh peristiwa yang dapat digunakan bagi menjelaskan teknik kepengarangannya.

(25 markah)

6. Dalam cerpen, gaya penceritaan progresif diutamakan oleh pengarang semasa bercerita. Berpandukan mana-mana dua cerpen di bawah ini, bandingkan kekuatan sudut penceritaan yang digunakan oleh penulis dalam karya mereka.

- (i) “Kepikunan”, karya Shahnnon Ahmad.
- (ii) “Teh di Bukit Tinggi”, karya Nor Faridah Abdul Manaf.
- (iii) “Sitar Metamorfosis”, karya Rahimah Muda.
- (iv) “Yang Aneh”, karya Ruhaini Matdarin.

(25 markah)